

# BEAPEN VK GRANULES

Phenoxyethylpenicillin potassium (125mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beapen VK Granules
2. Bagaimana Beapen VK Granules berfungsi
3. Sebelum pengambilan Beapen VK Granules
4. Cara pengambilan Beapen VK Granules
5. Semasa pengambilan Beapen VK Granules
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan Pelupusan Beapen VK Granules
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Beapen VK Granules

Beapen VK Granules tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil penisilin. Beapen VK Granules digunakan untuk merawat jangkitan di bahagian-bahagian yang berlainan dalam badan yang disebabkan oleh bakteria.

## Bagaimana Beapen VK Granules berfungsi

Ia berfungsi dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan. Beapen VK Granules tidak akan berfungsi terhadap jangkitan yang disebabkan oleh virus seperti selesema. Bagaimanapun, doktor anda mungkin telah menetapkan untuk tujuan yang lain. Tanya doktor anda (atau ahli farmasi) jika anda mempunyai sebarang persoalan mengenai mengapa Beapen VK Granules telah ditetapkan untuk anda.

## Sebelum menggunakan Beapen VK Granules

### - Bila tidak boleh menggunakannya

Jangan mengambil Beapen VK Granules sekiranya anda alah pada:

- Beapen VK Granules
- penisilin lain
- mana-mana bahan yang disenaraikan pada akhir risalah ini

Beberapa gejala tindak balas alahan boleh termasuk sesak nafas, semput atau kesukaran bernafas, muka bengkak, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam, atau gatal-gatal pada kulit; loya, muntah-muntah dan cirit-birit.

Anda mungkin mempunyai peluang yang tinggi menjadi alah kepada Beapen VK Granules jika anda alah kepada cephalosporins.

Jangan mengambil Beapen VK Granules jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda salahguna.

Jangan ambil jika tarikh luput yang dicetak pada pek telah berlalu. Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luput telah berlalu, ia mungkin tidak berfungsi juga.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil Beapen VK Granules, hubungi doktor anda.

### - Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor anda jika:

- anda mempunyai sebarang alahan kepada mana-mana ubat-ubatan lain atau mana-mana makanan lain, pengawet atau pewarna

- anda mempunyai atau pernah mempunyai apa-apa masalah kesihatan / keadaan perubatan, termasuk:
  - masalah buah pinggang atau hati
  - sifilis (penyakit dijangkiti secara seksual)
- anda hamil atau bercadang untuk hamil. Beapen VK Granules boleh digunakan semasa mengandung. Walau bagaimanapun, doktor anda akan berbincang dengan anda risiko dan faedah mengambil Beapen VK Granules semasa mengandung.
- Bagi ibu yang menyusu atau merancang untuk menyusukan bayi mereka. Beapen VK Granules boleh disalurkan kepada bayi anda daripada susu ibu.

Jika anda tidak memberitahu doktor anda tentang mana-mana di atas, beritahu dia sebelum anda mula Beapen VK Granules.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Beapen VK Granules boleh mengganggu satu sama lain. Ini termasuk:

- antibiotik termasuk chloramphenicol, erythromycins, sulphonamides, atau tetracyclines.
- methotrexate (untuk arthritis reumatoid)
- probenecid (untuk gout atau urik asid tinggi)

- kontraseptif oral atau pil kawalan kelahiran (Anda dinasihatkan untuk mengguna alternatif atau kaedah kontraseptif tambahan)

Doktor anda dan ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan untuk berhati-hati dengan atau elakkan semasa mengambil Beapen VK Granules.

### **Cara menggunakan Beapen VK Granules**

Ikutilah dengan teliti segala arahan yang diberikan oleh ahli farmasi atau doktor anda. Arahan tersebut mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan yang tertulis pada label botol, bertanyalah dengan ahli farmasi, jururawat atau doktor anda untuk menerangkan kepada anda arahan tersebut.

#### **- Berapa banyak harus digunakan**

Bagi orang dewasa:

Antibakteria (merawat jangkitan bakteria): 250mg-750mg setiap 6 jam

Erysipelas (jangkitan akut bakteria pada kulit): 500mg setiap 6 jam

Gingivitis (keradangan gusi): 500mg setiap 6 jam

Jangkitan *Pasteurella* (jangkitan bakteria akibat gigitan haiwan) dan demam gigitan tikus (jangkitan akibat gigitan tikus): 500mg setiap 6 jam untuk 10-14 hari

Pencegahan daripada demam reumatik (demam dengan inflamasi sendi): 125-250mg dua kali sehari.

Dos yang ditetapkan untuk dewasa: Sehingga 7.2g setiap hari

Bagi kanak-kanak:  
Antibakteria (merawat jangkitan bakteria):  
6-12 tahun: 250mg

1-5 tahun: 125mg  
Sehingga 1 tahun: 62.5mg.  
Untuk diberikan setiap 6 jam

Penyakit Lyme (jangkitan bakteria yang disebarkan oleh kutu): Berat badan 5-12.5mg/kg 4 kali sehari selama 3-4 minggu. Tempoh rawatan adalah berdasarkan kepada tindak balas klinikal.

#### **- Bila perlu digunakan**

Ambil pada selang masa yang tetap. Lengkapkan preskripsi yang ditetapkan kecuali diarahkan sebaliknya.

Diambil pada perut kosong.

#### **- Berapa lama perlu digunakan**

Seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

#### **- Jika terlupa menggunakan**

Sekiranya anda mengambil ubat ini pada masa yang tetap, dan anda terlupa mengambil satu dos, ambillah dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Bagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

#### **- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Dapatkan rawatan perubatan kecemasan jika anda fikir anda telah menggunakan terlalu banyak ubat ini.

### **Semasa pengambilan Beapen VK Granules**

#### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Beritahulah ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak berkurangan.

Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

#### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berikan ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan kecuali ahli farmasi atau doktor anda memberitahu anda.

#### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Berhati-hati jika anda memandu, mengendalikan mesin atau berbuat apa-apa yang memerlukan anda berada dalam keadaan sedar dan berjaga-jaga.

### **Kesan-kesan sampingan**

Hasil ujian palsu-positif dengan ujian sulfat tembaga mungkin berlaku semasa terapi dengan mana-mana penisilin dalam ujian *Coomb*. Nilai ujian fisiologi / ujian makmal boleh ditingkatkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda menggunakan Beapen VK Granules. Ia membantu kebanyakan orang dengan jangkitan, tetapi ia mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini dalam beberapa orang.

Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan itu serius, kebanyakan masa mereka tidak. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan jika anda mendapat beberapa kesan sampingan.

Kesan sampingan berikut adalah biasa:

- cirit-birit
- mual

Kesan sampingan berikut pernah dilaporkan:

- pening
- kandidiasis oral (sakit dengan tompok putih di dalam mulut dan/atau lidah)
- kandidiasis faraj (gatal-gatal dan pengeluaran cecair di faraj)

Kesan sampingan berikut berlaku kadang-kadang:

- reaksi alahan atau anafilaksis (pernafasan laju dan tidak teratur, bengkak di muka, sesak nafas, penurunan tekanan darah secara mengejut dan teruk)
- exfoliative dermatitis (kulit merah bersisik)
- reaksi seperti penyakit serum (ruam kulit, sakit sendi dan demam)
- ruam kulit
- gatal-gatal

Kesan sampingan berikut jarang berlaku:

- nefritis interstitial (demam, mungkin menurunkan pengeluaran air kencing, ruam kulit)
- leukopenia (sel darah putih kurang) dan neutropenia (neutrofil kurang) (sakit tekak dan demam)
- kolitis pseudomembranous dan kolitis clostridium difficile (sakit atau kekejangan perut yang teruk, kelembutan perut, cirit-birit yang teruk dan berair yang mungkin berdarah, demam) yang mungkin berlaku semasa terapi atau sehingga beberapa minggu

selepas penghentian mengambil ubat.

- sawan (lebih cenderung untuk berlaku pada pesakit yang mengambil dos tinggi atau dengan kerosakkan buah pinggang yang teruk).

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang sangat serius. Anda mungkin perlu dibawa untuk dirawat atau dimasukkan ke hospital. Kesan-kesan sampingan ini sangat jarang untuk berlaku. Kesan sampingan yang lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Jangan terkejut dengan senarai berikut kesan sampingan. Anda mungkin tidak akan mengalami apa-apa kesan-kesan tersebut. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa persoalan yang anda ada.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan Malaysia melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

### Penyimpanan dan Pelupusan Beapen VK Granules

#### - Penyimpanan

Campur dengan air sebelum menggunakan. Digoncang dengan baik setiap kali sebelum mengambil setiap dos. Buang selepas 7 hari pembancuhan.

Simpanlah ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 30°C. Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Lindungi daripada cahaya.

#### - Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Serbuk putih apabila dicairkan akan menjadi satu campuran yang berperisa buah buahan.

#### - Bahan Aktif:

- Bahan aktif:

- Phenoxyethylpenicillin Potassium

- Bahan tidak aktif:

- Aerosil 200
- Icing sugar
- Lactose monohydrate 200 mesh
- Ponceau 4R
- Perisa strawberi
- Saccharin Sodium

#### - MAL Number:

MAL19860072ACZ

### Pengilang

Duopharma (M) Sdn. Bhd (42491 –M) Lot 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200, Klang, Selangor, Malaysia.

### Pemegang Produk Pendaftaran

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M) Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### Tarikh kemaskini:

20/07/2018

### Serial number

NPRA(R4/1)200818/00248